

NO. SOALAN: 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA
[BATU]**

TARIKH : 18 MEI 2015

RUJUKAN : 7839

SOALAN:

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah siasatan polis mendapati apakah peranan wanita Kyrgyz Aidana Baizieva dalam penerbangan helikopter M GB itu, adakah dia seorang pembantu juruterbang amatur yang dijemput oleh juruterbang Clifford Fournier.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak polis telah menjalankan siasatan terhadap kemalangan helikopter yang terhempas di kawasan hutan Kg. Sg. Pening, Jalan Sg. Lalang, Semenyih, Kajang. Siasatan pihak polis tertumpu kepada Laporan Mati Mengejut (SDR) berkait Semenyih Repot 2194/2015 pada 5 April 2015 untuk mengesahkan 6 mangsa yang disyaki terkorban dalam nahtas tersebut iaitu Tan Sri Dr. Jamaludin b. Jarjis, Dato Azlin b. Alias, Dato' Tan Huat Seang, Razkan b. Seran, Kapten Clifford William Fournier Jr dan Aidana Braizieva. Post Mortem telah dijalankan di Hospital Kuala Lumpur mendapati sebab kematian bagi semua *Human Recognition* adalah *Multiple Injuries Due To Helicopter Crashed.*

Siasatan secara menyeluruh dilaksanakan oleh pihak berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (DCA) dan proses siasatan masih lagi berjalan. Kementerian tidak bercadang untuk memberi ulasan kerana dikhuatiri boleh menjelaskan siasatan yang sedang berjalan.